

Malaysia

makathir mohd.

BH 13 AUG 1985

bukan sebuah negara yang 'rapuh'

‘Kami akan tentang siapa saja yang cuba melemahkan negara kami dengan memecah-belahkan orang Islam. Telah banyak contoh mengenai perpecahan antara orang Islam di dunia kami lihat dan kami akan cuba melindungi Malaysia daripada penyakit yang serupa’

‘Rakyat bukan Islam di Malaysia tidak bimbang terhadap Islam tulen, dan mereka juga menerima nilai-nilai yang ingir diterapkan. Masalahnya untuk menggalakkan orang Islam mengamalkan nilai berkenaan. Insya-Allah jika nilai Islam dijamin, orang Islam tidak akan pergi ke negara lain. Mereka di seluruh dunia akan lebih banyak dan mereka tidak akan meninggalkan negara sendiri untuk mencari perlindungan di negara bukan Islam’

Temubual PERDANA MENTERI, DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD dengan majalah *Arabia* sempena Hari Kebangsaan Malaysia ke-28

SOAL: Telah hampir empat tahun anda menjadi Perdana Menteri Malaysia, bolehkah anda jelaskan dasar anda mengenai pembangunan ekonomi, politik, hubungan antarabangsa dan Islam. Sejauh manakah yang telah berjaya dicapai hari ini?

Jawab:

Kami berhasrat untuk lebih berjaya di segi ekonomi supaya setaraf dengan negara maju yang lain. Sama ada kita mahu mengaku atau tidak, semua negara-negara Islam bergantung kepada negara maju di segi ekonomi. Tidak ada sebab mengapa kita harus terus menerima keadaan itu untuk selamanya.

Di segi politik, kami berhasrat untuk lebih stabil. Kami akan tentang sesiapa saja yang cuba melemahkan negara kami dengan memecahbelahkan orang Islam. Telah banyak contoh mengenai perpecahan antara orang Islam di dunia kami lihat dan kami akan cuba melindungi Malaysia daripada penyakit yang serupa. Mereka yang cuba menyeludupkan penyakit ini ke Malaysia telah melakukan kesalahan kepada agama Islam.

Mengenai hubungan antarabangsa, kami ingin bersahabat dengan semua negara tanpa mengira sistem pemerintah atau kepercayaan mereka. Lebih-lebih lagi, kami ingin berhubung baik dengan negara-negara Islam, tetapi kami tidak akan menyebelahi mana-mana pihak dalam persengketaan sesama mereka.

Walaupun hanya 50 peratus daripada rakyat Malaysia beragama Islam, agama itu diterima oleh semua rakyat sebagai agama rasmi. Oleh itu, dasar kerajaan dirangka mengikut lunas-lunas Islam dan penyebaran Islam disokong secara rasmi.

Islam ialah satu agama yang pragmatik dan sejarah menunjukkan bahawa rakyat yang mempunyai kepercayaan yang berbeza boleh tinggal dengan aman di sebuah negara Islam.

Allran sekarang yang cuba menjadikan undang-undang Islam untuk menekan penganutnya dan bukan Islam telah terkeluar dari ajaran sebenar. Perkara ini ditimbulkan oleh orang yang mencari kepentingan sendiri. Malaysia berhasrat menggalakkan ajaran Islam yang sebenarnya.

Bukan tempatnya untuk saya menilai sejauh manakah hasrat itu berjaya dicapai. Ia akan dilakukan oleh orang lain apabila sampai masanya nanti.

Soal:

Memang telah diketahui ramai bahawa dasar anda agak berbeza dengan pemerintah sebelum anda, iaitu anda lebih gemar menghadapi sebarang isu dan masalah secara terbuka.

Di samping itu, Malaysia dikatakan sebagai sebuah negara yang "rapuh" memandangkan rakyatnya yang berbilang kaum dan agama. Boleh anda jelaskan cara anda mengatasi keadaan itu?

Jawab:

Malaysia bukan sebuah negara "rapuh". Kekuatan asasnya didapati daripada kesedaran semua rakyat yang berbilang bangsa dan kepercayaan bahawa tidak sesiapa yang mendapat untung daripada perpecahan, seperti yang dapat disaksikan berlaku di negara lain yang keadaannya sama dengan Malaysia.

Pendekatan Malaysia terhadap keadaan itu memberi kejayaan sejak merdeka. Tiap perdana menteri mungkin mempunyai cara pendekatan masing-masing, tetapi pada dasarnya, tujuannya tetap sama.

Soal:

Malaysia ialah sebuah negara ketiga dan negara Islam yang terus mengekalkan amalan demokrasi cara Barat. Bagaimanakah anda menilai amalan demokrasi yang diamalkan di Malaysia?

Jawab:

Cara anda menggunakan istilah "demokrasi cara Barat" menunjukkan seolah-olah demokrasi ialah sistem Barat dan sesiapa jua yang mengamalkannya secara langsung meniru Barat. Ini ialah satu tanda bahawa orang Islam di dunia masih kurang percaya pada diri sendiri dan mereka masih menganggap segala sesuatu yang dilakukan oleh orang Islam lain sebagai tidak tulus.

Demokrasi sebenarnya satu konsep Islam, seperti juga ia satu konsep Barat. Sebenarnya, sistem feudal dan sistem kuasa mutlaklah yang bukan sistem Islam. Jika dengan sistem demokrasi yang diamalkan Malaysia menjadi kebaratan, maka penggunaan bahasa Inggeris juga menjadikan kami kebaratan.

Seperti juga penggunaan bahasa Inggeris tidak mengurangkan keislaman kita, begitu juga amalan sistem demokrasi tidak menjadikan kami kurang keislaman.

Kami mengamalkan sistem demokrasi Malaysia dan kami memahami agama Islam sama seperti negara Islam yang lain di zaman ini. Islam tidak pernah menyekat penganutnya hingga mereka kerugian.

Soal:

Salah satu daripada dasar baru yang anda umumkan baru-baru ini ialah ke arah 70 juta penduduk berbanding hanya 15 juta sekarang. Apakah sebab dasar ini dirangka dan apakah kepentingan dasar ini terhadap dasar anda yang lain?

Jawab:

Untuk menjadi teguh, sesebuah negara itu mesti mempunyai pasaran dalam negeri yang besar. Kadar gaji yang tinggi ialah salah satu daripada cara meningkatkan kekuatan pasaran dalam negeri. Satu cara lain ialah penduduk yang lebih ramai.

Jika keupayaan pengeluaran rakyat dapat ditingkatkan atau hanya dikekalkan seperti sekarang, jumlah penduduk 70 juta akan memberi kekuatan membeli dalam negeri yang sangat diperlukan.

Berdasarkan keadaan di masa lepas, telah terbukti bahawa pertambahan penduduk di Malaysia tidak menyebabkan kadar pendapatan turun atau meningkatkan kadar pengangguran.

Dasar ekonomi yang cermat membolehkan Malaysia yang mempunyai penduduk tujuh juta dan purata pendapatan rakyat sebanyak US\$300 ketika mencapai kemerdekaan pada tahun 1957, men-

jadi sebuah negara mempunyai penduduk 15 juta dengan purata pendapatan rakyatnya sebanyak \$2,000 sekarang.

Tidak ada sebab mengapa kami tidak boleh mengekalkan kadar pendapatan ini jika jumlah penduduk bertambah menjadi 70 juta orang rakyat yang kuat bekerja.

Soal:

Kerajaan pimpinan anda telah memulakan dasar menerapkan nilai-nilai Islam. Ini dapat dilihat melalui penubuhan Universiti Islam Antarabangsa, Bank Islam, Insurans Islam dan sebagainya. Apakah muslihat di sebalik dasar ini dan bagaimanakah, pada pendapat anda, penerimaan rakyat bukan Islam terhadap dasar itu?

Jawab:

Universiti Islam, Insurans Islam dan Bank Islam boleh ditubuhkan tanpa dasar itu. Ada institusi-institusi Islam di negara-negara bukan Islam yang berjalan dengan baik tanpa mempengaruhi rakyat di negara berkenaan.

Nilai Islam yang ingin kami terapkan di sini ialah ketinggian moral yang dituntut oleh agama. Kami mahu membina sebuah masyarakat yang mengamalkan persaudaraan antara sesama Islam dan sikap toleransi terhadap bukan Islam, bersikap jujur, berdisiplin, bersih, menghormati orang tua dan sebagainya.

Bagaimanapun, fitnah memfitnah kerap berlaku sesama Islam, menyebabkan mereka berbunuhan sesama sendiri atas nama persaudaraan. Janji dibuat sewenang-wenangnya tanpa niat untuk ditunaikan, dan kebanyakannya pula berlaku bongkak, walaupun kuasa di tangan tidak seberapa.

Kami sedar bahawa kebanyakan daripada nilai yang ingin kami terapkan itu adalah nilai-nilai sejagat, tetapi ia tetap nilai yang terpuji di sini agama.

Rakyat bukan Islam di Malaysia tidak bimbang terhadap Islam tulen, dan mereka juga menerima nilai-nilai yang ingin diterapkan itu. Masalahnya sekarang ialah untuk menggalakkan orang Islam mengamalkan nilai berkenaan supaya mereka dihormati dan diterima baik oleh rakyat bukan Islam. Ini kami cuba lakukan melalui teladan.

Insya-Allah, jika nilai ini diamalkan, orang Islam bukan sahaja di Malaysia, malah di seluruh dunia akan lebih kuat dan mereka tidak akan meninggalkan negara mereka sendiri untuk mencari perlindungan di negara-negara bukan Islam.

Soal:

Bagaimanakah anda menilai perkembangan Universiti Islam dan Bank Islam dalam mencapai matlamatnya?

Jawab:

Universiti Islam dan Bank Islam berjalan baik. Kami tidak boleh menilainya sekarang sehingga kejayaannya dapat dilihat jelas, iaitu graduan yang berjaya dan sistem ekonomi Islam yang baik.

Soal:

Ada segolongan orang Islam di Malaysia yang

mendakwa apa yang telah anda lakukan tidak mencukupi untuk meningkatkan kedudukan agama Islam dan semua dasar yang anda perkenalkan sekarang sebenarnya hanya cuba menyekat pelaksanaan pemerintahan Islam.

Apakah pandangan anda terhadap golongan ini dan pendapat mereka?

Jawab:

Perkara seperti itu tidak dapat dielakkan. Orang sedemikian, sama ada mereka beragama Islam atau bukan Islam, akan sentiasa cuba mencari kesalahan terhadap perbuatan orang lain.

Saya lakukan apa yang saya fikirkan perlu untuk Islam. Saya tidak melakukan semua ini untuk menggembarakan mereka. Pada mereka, apa saja yang saya lakukan semuanya salah.

Soal:

Parti Umno yang anda pimpin, secara bergabung dengan komponen Barisan Nasional telah memegang kuasa sejak 1955. Bagaimanapun, Umno ditubuhkan khas untuk memperjuangkan hak orang Melayu di zaman pemerintahan British. Ia menjadi parti kemerdekaan, pembangunan ekonomi dan kebangkitan Islam.

Pada masa yang sama, parti itu pernah bergoncang kerana didakwa diresapi komunis pada tahun 1970an dan hari ini menghadapi masalah politik wang dalam soal pemilihan pemimpin.

Apakah pandangan anda terhadap keadaan itu dan pada pendapat anda, apakah masa depan Umno berhubung dengan masalah-masalah itu?

Jawab:

Memang benar bahawa salah satu matlamat penubuhan Umno ialah untuk memperjuangkan hak orang Melayu (mengikut undang-undang, seseorang orang Melayu itu hendaklah juga beragama Islam), tetapi mempertahankan dan mengem-

‘Semua dasar bertujuan menjadikan Malaysia negara yang teguh dan terus berkembang di segi ekonomi. Walaupun dunia keseluruhannya mengalami kemerosotan ekonomi, Malaysia bukan sahaja berjaya mencapai pertumbuhan, malah juga berjaya mengatasi matlamat yang dirancang’

bankan agama Islam juga salah satu daripada matlamatnya sejak ditubuhkan lagi. Perkara ini jelas tertera dalam Perlembagaan Umno.

Langkah pertama yang diambil oleh Umno setelah meletakkan orang Melayu di tempat yang istimewa ialah menjadikan agama Islam sebagai agama rasmi negara.

Jika perjuangan untuk menegakkan hak orang Melayu gagal, kedudukan agama Islam sudah pasti sama tarafnya dengan agama lain di Malaysia dan penerapan Islam dalam pentadbiran negara sekarang tentunya sukar atau mustahil dilakukannya.

Sesuatu yang harus sentiasa diingati ialah, jika tidak melalui kekuatan politik, orang Melayu sudah tentu gagal memperjuangkan nasib mereka dan agama Islam.

Perjuangan untuk menyebarkan dan menggalakkan amalan Islam yang tulen adalah sesuatu yang berterusan dan di sepanjang perjuangan itu, kami akan melakukan lebih banyak lagi untuk Islam.

Parti Umno tidak pernah bergoncang kerana diresapi komunis atau politik wang ringgit. Kami adalah masyarakat yang terbuka, tetapi berhati-hati. Kami bersedia mengkritik diri sendiri sebagaimana kami mengkritik orang lain.

Di negara-negara lain, perkara yang demikian mungkin akan dilupakan, melainkan jika orang bertanggungjawab ditangkap dan dihukum.

Umno akan kekal teguh kerana majoriti ahli dan pemimpinnya adalah bersih, jujur dan percaya terhadap matlamat perjuangan parti.

Soal:

Salah satu parti komponen dalam Barisan Nasional ialah MCA. Parti itu sekarang sedang menghadapi krisis besar antara dua puak yang mungkin memecahbelahkan parti. Pada pandangan anda, apakah pengaruh keadaan itu terhadap Barisan Nasional, lebih-lebih lagi Malaysia akan menghadapi pilihanraya — yang mesti diadakan sebelum April 1987?

Jawab:

Krisis MCA pasti akan menjejaskan kekuatan Barisan Nasional jika ia tidak diatasi sebelum pilihanraya diadakan. Bagaimanapun, kami yakin ia dapat diselesaikan secara baik.

Soal:

Selain MCA, satu lagi ahli komponen Barisan Nasional, iaitu Parti Berjaya gagal mengekalkan kuasa dalam pilihanraya Negeri Sabah baru-baru ini. Pada pendapat anda, apa yang menyebabkan kekalahan ini berlaku? Dan apakah pendirian anda terhadap PBS, parti memerintah Sabah yang tidak menjadi komponen Barisan Nasional dan dipimpin oleh bukan Islam?

Jawab:

Apabila sesebuah parti itu kalah dalam pilihanraya, biasanya banyak sebabnya. Personaliti, dasar, sikap dan pencapaian semua ditimbang apabila rakyat membuat pilihan.

Mengikut sistem kami, sesebuah parti yang disokong oleh minoriti mungkin mendapat majoriti di segi kiraan kerusi. Kami sedar dan menerima per-

kara itu. Ini lebih baik daripada pemerintahan sebuah negeri itu dibahagi-bahagikan dan tidak ada sesuatu parti yang dapat memerintah.

Kami hormati pilihan yang dibuat oleh rakyat Sabah. Hubungan antara kerajaan pusat dan Kerajaan Negeri Sabah kekal baik, tetapi pada pendapat kami, pemerintahan Barisan Nasional yang berbilang kaum tentu lebih baik untuk Sabah. Oleh itu, kami sentiasa meneliti perkembangan negeri itu.

Soal:

Sebagai Perdana Menteri, anda telah memperkenalkan pelbagai dasar untuk mempertingkatkan pembangunan di bidang ekonomi. Antaranya ialah Dasar Pandang ke Timur, projek industri berat, projek kereta kebangsaan, pengswastaan dan Persekutuan Malaysia.

Bolehkan anda menjelaskan sebab diadakan dasar-dasar itu dan bagaimana pencapaiannya sehingga kini?

Jawab:

Semua dasar itu bertujuan menjadikan Malaysia sebagai sebuah negara yang teguh dan dapat terus berkembang di segi ekonomi. Kerajaan dan sektor swasta mesti bekerjasama kerana mereka saling memerlukan. Kami percaya, pencapaiannya sehingga kini sungguh memuaskan.

Walaupun dunia keseluruhannya mengalami kemerosotan ekonomi, Malaysia bukan sahaja berjaya mencapai pertumbuhan, malah juga berjaya mengatasi matlamat yang ditetapkan.

Soal:

Rancangan Malaysia Kelima (RML) akan bermula tahun depan. Bolehkah anda jelaskan matlamat dan strateginya? Dan oleh kerana Dasar Ekonomi Baru akan tamat tahun 1990, adakah anda yakin (RML) boleh membantu pencapaian dasar itu?

Jawab:

Matlamat RML adalah sama dengan rancangan sebelumnya, walaupun beberapa penekanan mungkin berubah. Misalnya, satu perubahan mungkin perlu dilakukan di sektor pertanian dan lombong, memandangkan prestasi eksport getah dan tin yang buruk.

Kami juga mesti menggunakan kapal dan insurans tempatan untuk mengelakkan kekurangan tidak ketara. Pengaliran wang keluar mesti disekat, sebaliknya pengaliran masuk mesti diusahakan dengan meningkatkan taraf pelajaran dan penggalakan pelancong.

DEB akan terus dilaksanakan, terutama di sektor yang menampakkan perbezaan pencapaian antara kaum. Masih ada kemungkinan matlamat DEB dapat dicapai sebelum tamat tempoh RML.

Soal:

Yang nyata sekarang, sebahagian besar daripada pelaburan di Malaysia datang dari negara-negara Asean dan negara-negara Barat. Mengapakah negara Arab sangat kurang melabur di Malaysia?

Jawab:

Pelabur Arab lebih gemar melabur dalam syarikat-syarikat yang sedia kukuh dan tidak berminat untuk melabur dalam industri baru. Di Malaysia tidak ada syarikat-syarikat besar yang mungkin boleh menarik minat pelabur Arab.

Dasar kami ialah memperkenalkan industri dengan teknologi baru untuk tujuan eksport. Pendapatan yang tinggi dan keuntungan modal tidak terlalu kerap dalam industri demikian. Itulah antara sebab mengapa pelabur Arab tidak berminat melabur di Malaysia.

Soal:

Peningkatan kuasa Vietnam di Indochina seperti yang dapat dilihat melalui pencerobohannya di Kampuchea mungkin menyebabkan penyerapan komunis di Asean. Apakah mungkin Asean akan mengadakan perikatan ketenteraan di kalangan ahli-ahlinya?

Jawab:

Asean tidak akan menjadi sebuah pakatan tentera. Bagaimanapun, kami memang sentiasa bekerjasama di segi ketenteraan tanpa menjadi satu pakatan tentera.

Soal:

Kedudukan Malaysia secara langsung memaksanya memikul bersama masalah yang dihadapi oleh kumpulan minoriti beragama Islam di Selatan Thai dan Selatan Filipina. Apakah anda fikir Malaysia berjaya menjalankan tanggungjawabnya di segi kemanusiaan dan agama Islam tanpa menimbulkan kemarahan negara jiran?

Jawab:

Malaysia sentiasa mengambil berat keadaan orang Islam di negara-negara jiran dan akan campur tangan di peringkat diplomatik di atas dasar agama semata-mata. Kami tidak membantu atau menggalakkan pemberontakan.

Masalah politik golongan minoriti di negara berkenaan adalah masalah dalam negeri mereka. Kami sendiri juga akan membantah jika sesebuah negara lain cuba campur tangan dalam urusan negara kami.

Soal:

Apabila anda memegang pucuk pimpinan pada tahun 1981, anda telah menyusun semula dasar luar Malaysia dengan memberi penekanan kepada negara-negara Islam. Adakah anda berpuas hati dengan dasar itu?

Jawab:

Kami berpuas hati dengan dasar itu, tetapi tidak begitu berpuas hati dengan pencapaiannya. Kerjasama dan penyatuan antara negara-negara Islam masih menjadi satu impian. Dasar sahaja tidak mampu mencapai impian itu. Oleh itu, kami akan terus mengamalkan dasar itu hingga matlamatnya tercapai.

Soal:

Apakah pendirian anda terhadap Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)?

Pada pendapat anda, apakah pencapaiannya sehingga kini dan adakah anda mempunyai sebarang cadangan untuk meningkatkan lagi keberkesannya?

Jawab:

OIC mula menampakkan kejayaan. Adalah lebih baik jika ia tidak dianggap sebagai satu pakatan negara-negara Arab. Orang Islam masih belum memahami maksud persaudaraan seperti yang dituntut oleh Islam. Berikutan itu, sebarang perselisihan antara mereka menjejaskan semua kegiatan, termasuk dalam OIC.

Soal:

Anda telah menyokong perjuangan Pertubuhan Pembebasan Palestin (PLO) dan Mujahidi di Afghanistan dalam forum antarabangsa. Apakah langkah lanjut yang boleh diambil oleh Malaysia dan OIC untuk menyokong terus perjuangan Islam?

Jawab:

Apa yang boleh dilakukan oleh Malaysia dan OIC untuk membantu PLO dan Mujahidin di Afghanistan ialah dengan memberi mereka sokongan mutlak.